

Majlis Makan Malam Jubli Perak 25 Tahun SMK Lajau disambut meriah.



LABUAN: Persatuan Alumni SMK Lajau telah menganjurkan Majlis Makan Malam Jubli Perak 25 Tahun SMK Lajau yang telah disambut dengan begitu meriah. Majlis yang bertemakan '25 Tahun SMK Lajau: Suatu Naratif' telah dihadiri lebih 100 orang yang terdiri dari mantan guru, anggota pelaksana dan bekas pelajar tahun 1997 hingga 2005.

Turut hadir sama dalam memeriahkan suasana sambutan jubli perak itu ialah Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah yang juga mantan Pengetua pertama SMK Lajau, Haji Abidin Marjan.

Pada majlis itu, Abidin Marjan turut diberi penghormatan

untuk merasmikan dan melancarkan Tabung Apresiasi Anak Bangsa SMK Lajau. Tabung yang diilhamkan oleh Persatuan Alumni SMK Lajau itu bertujuan untuk menghargai pencapaian serta kejayaan pelajar-pelajar dalam aspek kurikulum dan kokurikulum.

Sambutan Majlis Makan Malam ini merupakan acara kemuncak sambutan Jubli Perak 25 tahun SMK Lajau. Pelbagai acara sambutan telah awal diadakan seperti bermula Jun lepas iaitu Delegasi Menawan Gunung Kinabalu, acara sukan santai seperti futsal, badminton, bola tampar dan berkayak.

Hadir sama pada majlis makan malam itu, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Yusop Mohamad, Pengarah Urusan Bakti Property Sdn. Bhd. Datuk Wira Dr Ramli Tahir, Pengetua SMK Lajau, Siti Aminah Zakaria, Penaung Persatuan Alumni SMK Lajau, Dr. Sharinah Puasa dan Pengerusi Persatuan Alumni SMK Lajau, Yusmieta Yunos.

CENDERAMATA... Abidin menerima cenderamata kenangan berupa baju Pendidikan Jasmani dan Kesehatan sekolah keluaran 1998 daripada Yusmieta (tiga dari kanan). Turut kelihatan Yusop Mohamad, Dr Ramli Tahir (kiri), Siti Aminah (empat kanan) dan Dr. Sharinah (kanan)